

**SEMBAH UCAPAN TAHNIAH DAN TAAT SETIA
YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN
SEMPENA HARI KEPUTERAAN KE-71 DYMM
YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS**

Bismilahir-Rahmannir-Rahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.**

**Mengadap Ke bawah Duli Yang Maha Mulia
Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul
Khusus,
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir**

**Mengadap Ke bawah Duli Yang Maha Mulia
Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul
Khusus,
Tuanku Aishah Rohani Ibni Almarhum Tengku
Besar Mahmud**

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sembah patik, mohon diampun.

1. Bagi memukadimah bicara, patik Memanda Tuanku, mewakili pihak Kerajaan Negeri Sembilan, anggota keselamatan, penjawat awam dan sekalian rakyat Negeri Sembilan mempersembah setinggi-tinggi junjungan kasih serta ikrar taat setia kepada **Ke Bawah Duli Tuanku sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Tuanku Yang Ke-71 yang penuh barakah ini.**
2. Sekalian Rakyat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana bersemayamnya Ke Bawah Duli Tuanku di atas takhta Negeri Sembilan Darul Khusus. Dipanjatkan doa ke hadrat Ilahi, semoga Ke bawah Duli Tuanku berdua dilanjutkan usia dalam **keafiatan** dan sentiasa berada dalam rahmat dan **maghfirah Allah Subhanahuwataala.**

Ampun Tuanku,

Bak kata pantun Melayu:

**Di atas tungku buluh diacu,
Runcing di hulu ruasnya kurang;
Didoakan Tuanku kukuh di mercu,
Dari dahulu sampai sekarang.**

**Dengar cerita di perdu jati,
Luasnya sawah di hujung kota;
Rakyat jelata bersatu hati,
Teguh di bawah payung mahkota.**

3. Seterusnya, patik mohon limpah perkenan Ke Bawah Duli Tuanku untuk mengalu-alukan pembesar-pembesar negeri dan sekalian hadirin yang turut menyerikan istiadat ini.

4. **Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Yang Mulia Tok Puan-Tok Puan , serta Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin dan Yang Mulia Tunku Isteri.**

5. Saya dengan penuh takzim merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ke atas kehadiran **Yang Teramat Mulia Undang Yang Empat dan Yang Mulia Tok Puan-Tok Puan , serta Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin dan Yang Mulia Tunku Isteri. Semoga kehadiran Yang Teramat Mulia Dato'-Dato' Undang dan Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin serta Yang Amat Mulia Putera Yang Empat, Yang Mulia Kerabat DiRaja** dan dif-dif kehormat yang lain akan menyerikan lagi istiadat pada pagi ini.

Ampun Tuanku,

6. Tahun 2019 menyaksikan Ke Bawah Duli Tuanku telah memasuki 10 tahun pemerintahan. Apa yang unik dengan pemerintahan beraja di Negeri Sembilan dapat dilihat daripada sudut amalan Adat Perpatih yang memang diketahui umum. Masyarakat di Negeri Sembilan sentiasa berpegang kepada ***rule of law*** sejak dahulu lagi. Sesuatu yang disusun mengikut muafakat dan kemudian dijadikan adat undang-undang. Bak kata perbilangan adat :

**Bulat anak buah menjadikan Buapak
Bulat Buapak menjadikan Lembaga
Bulat Lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan Raja.**

Pembangunan Negeri Sembilan 2040

7. Sesungguhnya, di sebalik cerita keunikan Adat Perpatih ini, pembangunan di Negeri Sembilan kini berada pada landasan yang tepat dan seimbang dengan tumpuan diberikan terhadap usaha mengembangkan ekonomi serta memastikan kesejahteraan hidup rakyat. Hal ini telah pun patik nyatakan semasa membentangkan Belanjawan 2019 Kerajaan Negeri Sembilan yang bersifat inklusif merentasi sempadan kaum, bangsa, agama dan geografi.

8. Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa bersedia meniti dan memikirkan pembangunan sehingga tahun 2040. Kerajaan Negeri Pakatan Harapan telah meneliti perancangan pembangunan Negeri Sembilan bagi memenuhi harapan dan inspirasi rakyat. Pembangunan dirancang secara inklusif, diberikan nafas baru dan memberi kesan untuk mensejahterakan rakyat. Pembangunan ini berasaskan dua (2) prinsip utama iaitu **kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial**.

Sosial dan Pendidikan

9. Kesejahteraan sosial perlulah seiring dengan pembangunan sosial. Pembangunan sosial terutama perpaduan dan pembangunan modal insan merupakan elemen penting dalam pembangunan Negeri Sembilan. Pembangunan negeri tanpa adanya perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat dan juga tanpa adanya pembangunan modal insan tidak membawa apa-apa makna ibarat **menggantung asap, mengukir langit.**
10. Perpaduan adalah hadiah tidak ternilai dan perlu dipelihara serta dihargai semua rakyat di negeri ini. Masyarakat di Negeri Sembilan sentiasa diseru dengan segala daya dan usaha bagi menyantuni mereka yang berada di sekeliling tanpa mengira bangsa. Perpaduan terhasil apabila rakyat daripada pelbagai etnik dan agama saling menghormati

antara satu sama lain dan sentiasa berhati-hati dan menyedari sensitiviti agama dan budaya masing-masing demi keharmonian antara kaum.

11. Kerajaan Negeri Sembilan sebagai pembuat, perancang dan pelaksana dasar sentiasa berpegang kepada prinsip kesederhanaan supaya pemikiran dan tindakan mereka selari dengan matlamat dan objektif Rukun Negara serta keluhuran Perlembagaan Persekutuan.
12. Pembangunan modal insan adalah pelaburan masa hadapan yang penting bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin yang akan mencorakkan dan membawa perubahan kepada wajah Negeri Sembilan, tanpa mengambil kira perbezaan agama dan bangsa. Kerajaan Negeri Sembilan telah pun memperuntukkan dana bagi membantu sekolah-sekolah tahfiz swasta, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis

Kebangsaan Tamil (SJKT) yang akan diagihkan berdasarkan keperluan. Diharapkan, bantuan ini akan dapat dimanfaatkan bagi mewujudkan 23 persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang lebih kondusif.

13. Menjadi harapan Kerajaan negeri dan sekalian rakyat Negeri Sembilan agar penekanan pembangunan sosial ini dapat mengatasi masalah sosial seperti masalah penyalahgunaan dadah dan aktiviti lumba haram motosikal dalam kalangan remaja di Negeri Sembilan. Perkara ini penting supaya ramai daripada kita akan mengerjakan amal kebajikan dan menjauhi kemungkaran.

Penutup

Ampun Tuanku,

14. Akhirul kalam, patik bagi pihak Kerajaan Negeri Sembilan bersama-sama dengan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,

berserta Anggota Pentadbiran dan rakyat sekalian, akan sentiasa mendoakan Ke Bawah Duli Tuanku agar terus dikurniakan taufik dan hidayah untuk bertakhta di singgahsana sebagai lambang kebesaran dan kebanggaan Negeri Sembilan.

15. Moga-moga Allah Taa'la mencurahkan rahmat bahagia dan melimpah-limpahkan kurnia-Nya kepada negeri ini serta dijauhkan daripada segala mara bahaya. Sekian.

**Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
Ampun Tuanku.**